



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## SIARAN MEDIA

### **RM7.68 JUTA POTENSI PEMBIAYAAN DAN LEBIH RM660,000 JUALAN DICATAT SEMENA HPPK 2023 - KUSKOP**

---

**PENAMPANG, 10 Disember 2023** - Sejumlah RM7.68 juta potensi pembiayaan dan RM667,067.94 rekod jualan telah dicatatkan menerusi Karnival Hari Penjaja dan Peniaga Kecil Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 (HPPK2023) yang berlangsung pada 7 hingga 9 Disember 2023 di Buhavan Square, Penampang, Sabah.

Program anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang buat pertama kali diadakan di Sabah ini turut mencatatkan seramai 25,561 orang pengunjung yang disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Anwar bin Ibrahim sebagai tanda pengiktirafan Kerajaan kepada komuniti penjaja dan peniaga kecil di negara ini.

Menerusi penganjuran ini, sebanyak 304 penjaja dan peniaga kecil dari pelbagai daerah di Sabah, W.P. Labuan, Sarawak serta Semenanjung Malaysia seperti W.P. Kuala Lumpur dan Perak. Turut serta adalah lebih 100 peniaga tamu sedia ada di sekitar kawasan Donggongan dengan pelbagai jenis jualan termasuklah hasil kraftangan, makanan dan pakaian tempatan. 11 peniaga *food truck* dari Sabah dan Sarawak juga tidak melepaskan peluang mempromosikan perniagaan mereka di Karnival ini. Selain menawarkan barangan tempatan, Karnival ini juga menawarkan makanan dari 14 buah negeri di Malaysia menerusi slot Anekarasa MADANI.

Pelbagai acara telah berjaya menarik pengunjung ke Karnival ini seperti Pertandingan Karaoke Suara Kita, Pertandingan Mewarna, Demonstrasi Masakan, Cabutan Bertuah, Jualan MADANI Koperasi, Jualan Rahmah KPDN, Jualan Agro-FAMA dan pameran-pameran dari agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI  
PUTRAJAYA**